

Selangor akui masalah itu ekoran sistem perparitan tidak diselenggara

77 lokasi berisiko dilanda banjir

Oleh AQMAR ALLADAD

SHAH ALAM – Sebanyak 77 kawasan di Selangor disenaraikan berisiko tinggi dilanda banjir kilat akibat gangguan daripada kedalaman sistem perparitan dan kolam takungan banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib (**gambar**) berkata, daripada jumlah itu sebanyak 20 kawasan baharu dikenal pasti terdedah kepada



banjir kilat.

Katanya, sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik dan kolam takungan tidak mampu menampung air hujan yang turun pada kadar luar biasa.

“Sepanjang 2015, tiada satu pun sungai melepasi paras bahaya dan 95 kes banjir kilat yang berlaku adalah disebabkan masalah perparitan yang tidak diselenggara dengan baik.

“Kedalaman sistem perparitan yang masih mengikut reka bentuk lama dengan kadar taburan hujan yang luar biasa menyebabkan

Banjir di Puncak Alam perlu ditangani dengan serius

SHAH ALAM – Kerajaan Parti Ke-

pada masa akan datang juga harus dilakukan dengan segera.

KERATAN *Kosmo!* 13 Ogos 2015.

kan longkang tidak dapat menampung (limpahan air),” katanya ketika menjawab pertanyaan lisan Datuk Mohd. Shamsudin Lias (**BN-Sungai Burong**) pada sidang Dewan Undangan Negeri di sini semalam.

Zaidy berkata, bagi menyelesaikan masalah tersebut,

pihaknya mencadangkan supaya peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya (Marris) digunakan untuk menaik taraf sistem perparitan di negeri ini.

“Setakat ini sebanyak 84 kolam takungan telah diselia oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dengan melibatkan

INFO Kawasan utama banjir kilat di Selangor

Kajang	- Pekan Kajang
Puchong	- Pusat beli-belah IOI dan Lebuhraya Damansara-Puchong
Shah Alam	- Batu 3 dan Puncak Alam
Klang	- Meru

kos sebanyak RM6.7 juta untuk kerja mendalamkan perparitan,” katanya.